

Newspaper	Berita Harian
Date	23 November 2015

Malaysia diiktiraf dunia

» Kejayaan jadi
tuan rumah
kumpul ramai
pemimpin negara

► Kuala Lumpur

Malaysia mendapat pengiktirafan antarabangsa berikutan kejayaan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 dan Sidang Kemuncak Berkaitan yang berakhir, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kejayaan itu disokong permintaan beberapa pemimpin negara luar yang ingin menjalin kejasama dengan Malaysia ketika siri peijumpaan dua hala dengan beliau sejak Jumaat lalu.

Secara keseluruhan, Najib menyifatkan sidang kemuncak kali ini sebagai yang terbaik kerana mengumpul ramai pemimpin dunia, termasuk kuasa besar seperti

Amerika Syarikat (AS), China, India dan Russia, selain semua pemimpin ASEAN.

"Semalam (kelmarin) saya mengadakan peijumpaan dua hala dengan Perdana Menteri Russia, Dmitry Medvedev selain Presiden Barack Obama dan Perdana Menteri Australia, Malcolm Turnbull.

Pertemuan dua hala

"Malah, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu (PBB), Bah Ki-Moon, turut hadir pada sidang kemuncak kali ini dan esok (hari ini) saya akan adakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri China, Li Keqiang serta Perdana Menteri India, Narendra Modi.

"Ini membuktikan dunia mengiktiraf ASEAN dan peranan yang dimainkan Malaysia, sekali gus menunjukkan perkumpulan negara serantau ini semakin diiktiraf antarabangsa," katanya pada sidang media selepas majlis penutup Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 dan Sidang Kemuncak Berkaitan di sini, semalam.

Perdana Menteri, selaku Pengerusi ASEAN, beliau turut menerima dokumen cadangan hasil Sidang Kemuncak Pemimpin Muda ASEAN+ (AYLS 2015) mengenai pembabitangan golongan itu dalam pembangunan serantau.

Sedia bekerjasama

Mengenai isu keselamatan, Najib berkata, Malaysia bersedia bekerjasama dengan semua negara yang sependapat, termasuk Russia, China dan Amerika Syarikat (AS), bagi memerangi keganasan dan ekstremisme.

"Kita juga sedar usaha melawan pengganas ini tidak hanya boleh dilakukan menerusi tindakan ketenteraan, sebaliknya perlu menawan minda dan hati orang ramai terutama golongan yang berisiko tinggi terpengaruh," katanya.

Sentuhan legasi Tiin Razak

Kuala Lumpur: Majlis pementarian dua deklarasi berkaitan pembentukan Komuniti ASEAN pada hari terakhir Sidang kemuncak ASEAN Ke-27 dan Sidang Kemuncak Berkaitan, semalam, menyentuh perasaan Datuk Seri Najib Razak.

Sambil menyifatkan ia ada sentuhan peribadi, Perdana Menteri berkata, majlis itu mengingatkannya kepada Al-

lahyarham bapanya, Tun Abdul Razak Hussein, ketika menandatangani Deklarasi Bangkok pada 1967 di Bangkok, Thailand, sekali gus mengesahkan penubuhan ASEAN.

"Saya juga tidak sangka bahawa 30 tahun kemudian, saya sendiri menandatangani dokumen Komuniti ASEAN seperti yang ditandatangani bapa saya ketika penubuhan ASEAN," katanya.